

Penswastaan Air Menurut Perspektif Islam

Wawancara **Buletin FOMCA**
bersama

Encik Mohd Yusof Abdul Rahman,
Presiden Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan



Gabungan Persatuan-Persatuan
Pengguna-Pengguna Malaysia
(FOMCA)

Gabungan Persatuan-Persatuan
Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

© **FOMCA 2005**

Cetakan Pertama - Mac 2005

Penswastaan Air Menurut Perspektif Islam

Air merupakan keperluan asas bagi semua hidupan di muka bumi ini. Oleh itu, ia merupakan sumber semula jadi yang perlu dinikmati oleh semua hidupan ini. Bagi hidupan haiwan, mereka mendapati sumber air ini dalam pelbagai cara. Sumber ini termasuk lopak air, longkang dan sebagainya. Namun bagi manusia pula, air yang digunakan untuk tujuan minuman perlu dipastikan terlebih dahulu kebersihan dan keselamatannya. Ini dikhuatiri air mentah daripada sumber semula jadi tersebut mungkin telah tercemar dan tidak sesuai untuk diminum. Oleh itu ia perlu dirawat terlebih dahulu sebelum digunakan.

Dalam menghadapi perubahan dan perkembangan teknologi semasa, pengurusan air menjadi semakin tinggi kosnya. Pengurusan air sebelum ini dikendalikan oleh kerajaan, kini tidak dapat ditampung kerana kos yang tinggi ini. Oleh itu salah satu pilihan yang diwujudkan ialah menyerahkan pengurusan air ini kepada syarikat swasta melalui konsep penswastaan agar beban kewangan ini tidak ditanggung oleh kerajaan. Walau bagaimanapun timbul pula persoalan tentang kemudahan masyarakat untuk menikmati kemudahan air apabila ia diswastakan. Syarikat swasta dengan objektif utamanya untuk meraih keuntungan sudah pasti akan mengetepikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Dalam hal ini sudah tentu masyarakat terutamanya yang berpendapatan rendah dan tidak berupaya akan dinafikan haknya untuk menikmati kemudahan air ini.

Sebagai melanjutkan siri pemikiran FOMCA kali ini, Buletin FOMCA meneruskan wacana perbincangan tentang aspek penswastaan air ini. Kali ini, penswastaan dilihat dari pespektif agama Islam pula. Untuk membincangkan persoalan ini, Buletin FOMCA telah menemubual Encik Mohd Yusof Abdul Rahman, Presiden Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan, yang juga Bendahari Agung FOMCA.

Encik Mohd Yusof, sebagai pembukaan, cuba huraikan tentang kepentingan air secara umumnya.

MOHD YUSOF: Air merupakan keperluan amat penting bagi semua kehidupan, sama ada ia adalah manusia, haiwan ataupun tumbuh-tumbuhan. Kajian sains menunjukkan 90 peratus daripada tubuh manusia ini terdiri daripada air. Selain itu, tubuh manusia juga mengeluarkan dua hingga tiga liter air sehari, iaitu 1.4 liter melalui buah pinggang, 0.8 liter melalui kulit, 0.8 melalui paru-paru dan sebahagian kecil melalui usus. Kehilangan jumlah air ini perlu digantikan dengan pengambilan sejumlah makanan dan minuman.

Adakah terdapat ayat Al-Quran atau hadith Rasulullah yang menceritakan tentang air?

MOHD YUSOF: Terdapat banyak ayat Al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w. tentang air. Umpamanya, Allah s.w.t. telah berfirman dalam al-Qur'an, maksudnya: "... Allah menurunkan kepadamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengan hujan itu dan menghilangkan dari kamu gangguan-gangguan syaitan dan untuk menguatkan hatimu dan memperteguh dengannya telapak kaki(mu)." (Surah Al-Anfal, ayat 11). Begitu juga dalam firman Allah s.w.t. yang lain, bermaksud: "*Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau.*" (Surah Al-An'am, ayat 99).

Manakala itu, terdapat juga hadith Rasulullah s.a.w. mengenai air ini, seperti: "*Perumpamaan Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Agung dalam mengutusku untuk menyampaikan petunjuk dan ilmu adalah seperti hujan yang membasahi bumi. Sebahagian tanah bumi tersebut ada yang subur sehingga dapat menyerap air serta menumbuhkan rerumputan dan sebahagian lagi berupa tanah-tanah tandus yang tidak dapat menyerap air lalu Allah memberikan manfaatnya kepada manusia sehingga mereka dapat meminum darinya, memberi minum dan menggembalakan ternaknya di tempat itu. Yang lain menimpa tanah datar yang gundul yang tidak dapat menyerap air dan menumbuhkan*

rumput...” (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim daripada Abu Musa r.a.)

Kejadian hujan dijelaskan dengan begitu spesifik di dalam Al-Qur’an. Dalam Surah Al-Baqarah, ayat 164, Allah s.w.t. berfirman yang maksudnya: *“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.”* Demikian juga dalam ayat yang bermaksud: *“Dan Allah, Dialah yang mengirinkan angin; lalu angin itu menggerakkan awan, maka Kami halau awan itu kesuatu negeri yang mati lalu Kami hidupkan bumi setelah matinya dengan hujan itu. Demikianlah kebangkitan itu.”* (Surah Fathir, ayat 9).

Selain itu, Al-Quran turut membahagikan air kepada tiga jenis sumber, iaitu atmosfera, air permukaan dan air bawah tanah. Air di dalam atmosfera ini diterangkan dalam ayat yang bermaksud: *“Dialah yang meniupkan angin (sebagai) pembawa khabar gembira dekat sebelum kedatangan rahmat-nya (hujan); dan Kami turunkan dari langit air yang amat bersih”* (Surah Al-Furqan, ayat 48).

Air permukaan pula dijelaskan melalui ayat Al-Quran, surah Ar-Ra’d, ayat 17 yang bermaksud: *“Allah telah menurunkan air (hujan) dari langit, maka mengalirlah air di lembah-lembah menurut ukurannya, maka arus itu membawa buih yang mengambang. Dan dari apa (logam) yang mereka lebur dalam api untuk membuat perhiasan atau alat-alat, ada (pula) buihnya seperti buih arus itu.”*

Manakala air bawah tanah pula disebutkan dalam ayat yang bermaksud: *“Dan Kami turunkan air dari langit menurut suatu ukuran; lalu Kami jadikan air itu menetap di bumi, dan sesungguhnya Kami benar-benar berkuasa menghilangkannya.”* (Surah Al-Mukminun, ayat 18)

Mengapa pula air ini begitu penting bagi Islam, seperti mana yang dinyatakan dalam banyak ayat Al-Quran dan hadith seperti di atas?

MOHD YUSOF: Air begitu banyak kegunaan dalam Islam. Islam adalah agama yang mementingkan kebersihan. Dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: *“Apabila salah seorang di antara engkau bangun tidur, janganlah mencelupkan tangannya ke dalam bejana air sebelum membasuhnya tiga kali, kerana ia tidak tahu di manakah tangannya menginap”* (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah r.a.)

Begitu juga dengan hadith lain, apabila sebahagian sahabat Rasulullah s.a.w. berbincang dengan persoalan mandi di kawasan mereka yang sedang dalam musim sejuk. Rombongan daripada Tsaqif telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w, *“Sesungguhnya daerah kami adalah daerah dingin, bagaimana cara kami mandi?”* Beliau bersabda: *“Adapun aku, aku menuangkan air di kepalaku tiga kali.”* (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim daripada Jabir bin Abdullah r.a.)

Lebih penting lagi, air amat diperlukan dalam urusan ibadat. Umat Islam memerlukan air untuk mensucikan tubuh selepas berhadass besar. Begitu juga air diperlukan untuk mengambil wuduk apabila ingin mendirikan solat. Walaupun diberikan kelonggaran sekiranya tidak terdapat air, seperti dibenarkan bertayammum dengan menggunakan tanah dan sebagainya. Demikian juga dalam pengurusan jenazah, air diperlukan untuk memandikan jenazah tersebut. Banyak lagi kegunaan air bagi umat Islam.

Begitu pentingnya air bagi umat Islam. Dalam hal ini, bolehkah sumber air itu dimiliki secara hak persendirian?

MOHDYUSOF: Terdapat beberapa keperluan asas yang tidak boleh dimiliki oleh individu atau sekumpulan orang pada pandangan Islam. Ini dinyatakan dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *“Tiga perkara yang tidak boleh dielakkan daripada manusia: air, rumput dan api.”* (Riwayat Ibnu Majah daripada Abu Hurairah). Demikian dalam hadith lain, yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, daripada Ibn Abbas yang bermaksud: *“Umat*

Islam adalah rakan kongsi kepada tiga perkara: air, rumput dan api.” Malah dalam satu hadith menyebutkan: *“Meletakkan harga pada ketiganya adalah haram.”* (hadith riwayat Anas, daripada Ibn Abbas).

Dalam sebuah hadith yang lain ada menceritakan tentang seorang sahabat meminta daripada Rasulullah s.a.w. sebidang tanah yang mengandungi garam. Rasulullah telah membenarkannya. Seorang sahabat lain telah memaklumkan kepada Rasulullah tentang kedudukan tanah itu yang mempunyai sumber air yang banyak. Apabila mengetahui keadaan tersebut, Rasulullah telah membatalkan pemberian tersebut. Jelas ini menunjukkan bahawa seseorang individu tidak dibenarkan untuk memiliki kawasan sumber air kerana ia adalah milik awam.

Beberapa hadith yang dinyatakan di atas, menyebutkan bahawa beberapa sumber alam merupakan tanggungjawab orang ramai menjaganya, seperti air, rumput (yang menjadi bahan makanan bagi haiwan seperti lembu, kambing dan sebagainya) dan api. Sumber-sumber ini tidak dibenarkan bagi seseorang individu memilikinya.

Dalam hal ini, terdapat beberapa perkara yang disebutkan sebagai hak milik awam menurut Islam, yang perlu dikongsi penggunaannya bersama. Tiga perkara tersebut ialah:

- a) Kemudahan awam – iaitu perkara yang orang awam tidak dapat melakukan sesuatu tanpanya. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas bermaksud: *“Manusia berkongsi kepada tiga perkara: air, rumput dan api.”* (Riwayat Abu Dawud). Yang dimaksudkan sebagai kemudahan ini merangkumi semua jenis peralatan yang digunakan untuk air dan saluran paip, jentera untuk menjana elektrik daripada air terjun awam, bersama-sama dengan tiang, wayar dan stesennya.
- b) Mineral yang banyak jumlahnya. Hasil galian ini seperti emas, perak, petrol, fosfat, besi, sulfur dan seumpamanya.
- c) Perkara yang secara semula jadinya tidak membenarkan individu memilikinya, seperti jalan raya, sungai, laut, tasik, masjid, kawasan awam dan sebagainya.

Begitu juga Islam menghalang sumber air disekat daripada diterima oleh orang lain. Dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: *“Bahawa seorang lelaki Ansar bertengkar dengan Zubair di hadapan Rasulullah s.a.w. mengenai saluran air daerah Harrah yang digunakan untuk mengairi pohon kurma. Lelaki Ansar tersebut berkata: “Biarkan air itu mengalir!” Ternyata Zubair menolak permintaan mereka. Lalu mereka mengadukan hal itu kepada Rasulullah s.a.w. Berkatalah beliau kepada Zubair: “Alirkanlah wahai Zubair dan alirkan juga air itu kepada tetanggamu!” Lelaki tersebut marah seraya berkata: “Wahai Rasulullah! Apakah kerana Zubair itu anak ibu saudaramu?” Berubahlah warna muka Nabi saw. lalu berkata: “Wahai Zubair, alirkanlah air itu kemudian tahan agar kembali lagi ke kebun!” (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Zubairra)*

Demikian juga dengan hadith yang bermaksud: *“Aliran air lebih tidak boleh ditahan untuk mencegah pengairan rerumputan.” (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah).*

Malah Islam juga memberi hak sama ada di antara manusia dan haiwan dalam hal untuk menikmati kemudahan air ini. Dalam Al-Qur’an ada disebutkan firman Allah s.w.t. yang bermaksud *“Shaleh menjawab: “Ini seekor unta betina, ia mempunyai giliran untuk mendapatkan air, dan kamu mempunyai giliran pula untuk mendapatkan air di hari yang tertentu.” (Surah Asy-Syu’araa’: 155).* Keadaan ini menunjukkan Islam memberikan hak sama rata di antara manusia dan haiwan untuk memperolehi sumber air daripada sumber yang sama.

Rasulullah s.a.w. sendiri pernah memberikan amaran yang keras terhadap seseorang yang memiliki sumber air berlebihan yang tidak mahu dikongsi bersama dengan orang lain. Sabdanya bermaksud: *“Ada tiga jenis manusia yang Allah murka pada hari kiamat ... termasuklah manusia yang mempunyai air yang mencukupi tetapi enggan memberikannya kepada pengembara.” (Riwayat Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah r.a.)*

Berdasarkan penjelasan Encik Mohd Yusof bahawa sumber semula jadi seperti air itu tidak boleh dimiliki oleh individu. Jadi dalam hal ini, apa pula pandangan Islam terhadap pengurusan air yang dikendalikan oleh syarikat swasta melalui konsep penswastaan sebagaimana yang berlaku pada masa ini.

MOHDYUSOF: Sumber-sumber semula jadi sebagaimana yang disebutkan seperti air, rumput dan api adalah hak milik bersama menurut Islam. Oleh itu individu tidak dibenarkan memilikinya. Malah pemerintah juga tidak dibolehkan memilikinya, apatah lagi menjualkannya atau memberikan hakmiliknya kepada sesiapa sahaja. Pemerintah juga tidak dibenarkan membahagikannya kepada beberapa bahagian dan memberikannya kepada beberapa pihak kerana ia bukannya milik pemerintah. Dalam hal ini, sebarang usaha memindahkan hak milik awam bertentangan dengan syariah. Apabila kita bandingkan pula dengan penswastaan, maka kedudukannya adalah sama. Air, elektrik dan sebagainya adalah hak milik awam yang boleh dinikmati oleh sesiapa sahaja. Kedudukan pemerintah atau kerajaan dalam hal ini hanya sebagai pengurus bagi menjaga kemudahan awam ini bagi pihak rakyat agar semua rakyat dapat menikmatinya.

Dalam pada itu, Islam tidak mempunyai halangan untuk memiliki sesuatu sumber itu dimiliki secara persendirian sekiranya ia bukan sumber yang perlu dikongsi bersama oleh masyarakat. Sejarah Islam telah mengisahkan tentang Rasulullah s.a.w. pernah membenarkan pemilikan air secara persendirian di At-Taif dan Khayber oleh individu, yang menggunakan air tersebut untuk tujuan mengairi tanaman dan ladang mereka.

Islam melihat air dari segi keperluan sosial dan ekonomi. Begitu juga hak keadilan dari segi kuantiti dan kualitinya. Menurut prinsip Islam, air adalah hak milik awam. Semua orang berhak untuk menikmati sumber air ini secara percuma. Namun begitu, Islam membenarkan bayaran dikenakan jika untuk memperolehi air tersebut melibatkan kos-kos tertentu seperti pengumpulan di empangan-empangan atau loji-loji, rawatan, penyimpanan, pengedaran dan pengebilan.

Sebagaimana yang berlaku pada masa ini, sumber air ini akan dirawat di loji-loji rawatan. Kemudian air tersebut perlu melalui proses pengurusan

pembekalan air yang melibatkan pengedaran dan pengebilan. Sudah tentu ia memerlukan kos tertentu dari segi menyediakan prasarana ini dan menyelenggarakannya. Sewajarnya pengguna yang mendapatkan bekalan air melalui sistem ini perlu membayarnya. Namun kadar yang ditetapkan biarlah berpatutan dan boleh dinikmati oleh semua orang tanpa mengira kedudukannya. Untuk itu, kerajaan perlu memberikan subsidi kepada golongan tidak berkemampuan. Manakala mereka yang mampu membayar pula, perlu membayar untuk kos rawatan dan pengedaran tersebut.

Jika kita lihat sistem politik Islam, kemudahan untuk rakyat seperti air, tenaga dan sebagainya ini menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakannya. Kita sedia maklum bahawa peranan kerajaan adalah untuk menjaga kebajikan rakyat. Oleh itu kerajaan perlu menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi menyediakan dan menyelenggarakan kemudahan awam ini.

Memang Islam tidak menetapkan suatu kriteria yang khusus dalam menentukan sama ada sesuatu perkara itu sebagai harta awam dan persendirian. Namun Islam ada menggariskan ciri-ciri sesebuah kemudahan hak milik awam itu, iaitu :

- a) Jika sesuatu itu perlu dinikmati oleh semua orang, maka ia dianggap sebagai hak milik awam / pemerintah, sama ada ia memberikan kebaikan secara kolektif seperti taman rekreasi, sungai ataupun ia keperluan awam seperti pendidikan atau perkhidmatan kesihatan.
- b) Jika sesuatu itu bukan hak milik awam, iaitu kepunyaan persendirian, pemerintah dilarang memilikinya. Maka pemerintah tidak boleh memaksa untuk memilikinya

Selain itu, Islam juga tidak membenarkan wujudnya satu bentuk monopoli atau eksploitasi terhadap kadar bayaran bagi sesuatu perkhidmatan, yang menjadi keperluan bagi orang awam. Oleh itu, satu bentuk mekanisme penentuan kadar bayaran bagi perkhidmatan ini perlu disediakan agar kadar tersebut hendaklah pada tahap yang berpatutan.

Bagaimana pula dari sudut hak asasi manusia?

MOHD YUSOF: Air adalah keperluan asas untuk manusia. Ia merupakan hak asasi yang tidak boleh dinafikan oleh semua manusia menikmatinya. Hal ini dinyatakan dalam Deklarasi Islam Sejagat Bagi Hak Asasi Manusia:

“Di bawah fasa Tata Ekonomi dan Hak-Hak Pengembangannya, “(a) Dalam usaha-usaha ekonomi, semua orang berhak ke atas manfaat sepenuhnya daripada alam dan seluruh sumbernya. Ini merupakan kurniaan Tuhan yang dianugerahkan bagi kepentingan seluruh umat manusia.”

Ini jelas menunjukkan kedudukan air menurut hak asasi manusia. Dan ini turut dinyatakan dalam Deklarasi Sejagat bagi Hak Asasi Manusia dan Deklarasi Hak Asasi Manusia terhadap Kanak-kanak.

Kita telah melihat pandangan Islam dari segi pemilikan dan penswastaaan air. Cuba kita teliti pula dari sudut pencemaran air yang kian berleluasa sekarang ini. Adakah Islam mempunyai pandangan yang khusus terhadap aspek pencemaran air ini?

MOHD YUSOF: Sudah tentu Islam mengambil berat terhadap persoalan pencemaran ini. Terdapat banyak hadith yang menyentuh perkara ini, antaranya:

“Tidak dibenarkan membuang air kecil di dalam air yang tidak mengalir.” (Hadith riwayat Ibnu Majah).

“Pesuruh Allah tidak membenarkan seseorang membuang air kecil di tempat dia mandi” (Hadith riwayat Abu Dawud)

“Tidak dibenarkan membuang air kecil pada air yang tidak mengalir, yang kemudiannya menggunakannya untuk mandi.” (Hadith riwayat Muslim)

“Peliharalah diri kamu daripada tiga sebab yang membawa laknat: membuang air besar di tempat-tempat berair, di tengah jalan dan di tempat berteduh.” (Hadith riwayat Abu Dawud)

Kita lihat sumber air kian berkurangan disebabkan oleh beberapa faktor dan jumlah kependudukan yang bertambah. Oleh itu langkah pemeliharaan dan penjimatan perlu dilakukan agar sumber air ini dapat dinikmati oleh semua orang. Cuba Encik Mohd Yusof menghuraikan aspek ini menurut perspektif Islam.

MOHD YUSOF: Islam tidak membenarkan berlakunya pembaziran terhadap sumber air. Hadith yang biasa disebutkan yang bermaksud: *“Membazir itu adalah saudara syaitan.”* Selain itu, pembaziran air atau menggunakan air secara berlebihan juga tidak dibenarkan. Ketika mengambil wuduk untuk mengerjakan solat umpamanya, tidak dibenarkan menggunakan air secara berlebihan. Islam menetapkan tiga kali bagi setiap pelakuan dalam berwuduk. Hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *“Sesiapa yang menggunakan lebih daripada tiga kali, maka ia telah berlaku zalim dan kesalahan.”* (Hadith riwayat An-Nasai’: 7)

Satu hadith lain menceritakan tentang Nabi Muhamad s.a.w. memberitahu sahabatnya Saad r.a. supaya tidak berwuduk dengan air yang berlebihan. Saad kemudian bertanya adakah dikira membazir jika air digunakan untuk berwuduk? Jawab baginda: *“Ya, sekalipun kamu di tepi sungai yang mengalir”.* (Sunan Ibnu Majah)

Rasulullah s.a.w. sendiri merupakan contoh utama sebagai seorang yang berhati-hati dalam menggunakan air. Mungkin keadaan ini disebabkan oleh kekurangan air di tanah Makkah. Dilaporkan bahawa baginda telah berwuduk dengan menggunakan air kurang daripada satu liter dan membersihkan badannya daripada hadas besar dengan air kira-kira tiga liter sahaja. Mungkin umat Islam boleh mempelajari kaedah yang diamalkan oleh Rasulullah itu untuk mengurangkan penggunaan air tetapi masih sah wuduk dan mandi hadas besarnya.

Islam turut memberikan perhatian terhadap masalah kekurangan air dan meminta agar manusia memberikan perhatian terhadap masalah tersebut. Ini disebutkan dalam firman Allah s.w.t., maksudnya: *“Katakanlah: “Terangkanlah kepadaku jika sumber air kamu menjadi kering; maka siapakah yang akan mendatangkan air yang mengalir bagimu?”* (Surah Al-Mulk, ayat 30).

Allah s.w.t. turut memberikan amaran kepada manusia tentang kepentingan air dalam firman-Nya bermaksud: *“Maka terangkanlah kepada-Ku tentang air yang kamu minum. Kamukah yang menurunkannya atau Kamukah yang menurunkannya? Kalau Kami kehendaki, nescaya Kami jadikan dia masin, maka mengapakah kamu tidak bersyukur?”* (Surah Al-Waaqi’ah, ayat 68-70)

Begitu juga dengan firman Allah s.w.t. bermaksud: *“Apakah kamu tidak memperhatikan, bahawa sesungguhnya Allah menurunkan air dari langit, maka diaturnya menjadi sumber-sumber air di bumi kemudian ditumbuhkan-Nya dengan air itu tanam-tanaman yang bermacam-macam warnanya, lalu menjadi kering lalu kamu melihatnya kekuning-kuningan, kemudian dijadikan-Nya hancur berderai-derai. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal.”* (Surah Az-Zumar, ayat 21)

Apakah kaedah pengurusan air yang sewajarnya dilaksanakan di negara ini menurut pandangan Islam?

MOHD YUSOF: Secara khususnya memang tidak terdapat satu kaedah tertentu dari pandangan Islam. Namun begitu, kita tinjau daripada pengalaman beberapa negara Islam dalam pengurusan air ini. Demikian juga dengan beberapa persidangan pengurusan air menurut perspektif Islam yang telah diadakan boleh dijadikan sebagai panduan tentang pengurusan air yang sewajarnya dilaksanakan di negara ini.

Dalam sebuah bengkel pengurusan sumber air di dunia Islam, anjuran Pusat Pembangunan Penyelidikan Sntarabangsa (IDRC) dengan kerjasama Persatuan Sumber Air Antarabangsa dan Rangkaian Antara-Islam dalam Pembangunan dan Pengurusan Sumber Air (INWRDAM) di Amman, Jordan pada 1 hingga 3 Disember 1998 ada menyentuh beberapa persoalan tentang pengurusan air ini. Bengkel tersebut telah menggariskan beberapa prinsip asas dalam sistem pengurusan Islam ialah:

a. Pembangunan sumber manusia dan latihan

Perancangan perlu dilakukan bagi melatih sumber tenaga manusia agar mempunyai pengalaman dan kepakaran yang mencukupi dalam pengurusan air berdasarkan keperluan negara dan kesesuaian sektor ekonomi dan sosial.

b. Kepentingan terhadap kesedaran awam

Isu yang berkaitan air telah diterima dengan baik, tetapi ia tidak mempunyai sistem pemberian maklumat jangka panjang dan proses yang berkaitan kesedaran tidak dibangunkan. Bagi negara Islam, Islam dapat digunakan dengan baik dalam memberikan kesedaran awam ini. Ia boleh digunakan sebagai alat untuk memajukan pemeliharaan dan pengurusan air. Namun kebanyakan yang diamalkan menggunakan kempen penyebaran maklumat jangka pendek dan lebih menumpukan kepada kawasan geografi tertentu sahaja. Oleh itu ia gagal dalam membuat perubahan yang tetap dalam amalan penggunaan air dan sikap masyarakat. Walaupun masyarakat mempunyai tahap kesedaran yang tinggi, namun ini tidak semestinya menunjukkan berlakunya perubahan dalam sikap dan amalan masyarakat. Bagi negara yang berminat dalam program ini, mereka telah membangunkan kesedaran masyarakat dalam pemeliharaan air. Pakar air membantu imam dalam menyediakan khutbah ketika solat Jumaat tentang kepentingan pemeliharaan air. Penerbitan tentang air dan pendidikan kesihatan juga telah diterbitkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia untuk negara-negara Islam.

Perlu diwujudkan satu bentuk kepentingan yang berterusan terhadap isu yang berkaitan dengan air seperti sistem pengurusan air, langkah pemuliharaan dan pemeliharaan air. Pemeliharaan air memerlukan strategi jangka panjang, bukan sahaja kempen kesedaran, tetapi juga perancangan ekonomi yang sesuai. Kempen kesedaran di samping kadar tarif yang berpatutan merupakan polisi yang baik untuk memastikan pemeliharaan air. Pembuat dasar hendaklah merangka satu strategi pengurusan air yang bersesuaian dengan kehendak Islam dan dalam masa yang sama mempunyai tahap kecekapan dalam bentuk penggunaan dan pengurusan air.

Selain itu, bengkel tersebut juga merujuk kepada fatwa yang dibuat oleh Majlis Ulama Arab Saudi pada tahun 1978 yang membenarkan penggunaan air kumbahan yang telah dirawat untuk pelbagai kegunaan. Malahan air kumbahan yang telah dirawat semula juga boleh digunakan untuk tujuan ibadat dengan syarat bahawa ia mencapai tahap kesucian yang dibenarkan untuk tujuan ibadat dan tidak menyebabkan masalah kesihatan. Malahan di beberapa negara Islam, air rawatan semula ini digunakan dalam sektor industri dan ia merupakan sumber utama air mereka.

Dalam sebuah kertas kerja yang diterbitkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan, Pertubuhan Negara-Negara Islam (ISESCO) telah menggariskan beberapa cadangan dalam pengurusan perkhidmatan air di negara-negara Islam. Bagi membolehkan negara-negara Islam menyahut cabaran yang getir pada melium ketiga ini khususnya yang berkaitan dengan air, satu sistem pertadbiran bersepadu bagi sumber air yang menggunakan kaedah moden. Ini memerlukan usaha yang berlipat kali ganda dalam bidang perundangan, kawal selia dan bidang teknikal. Negara-negara Islam juga perlu mewujudkan satu strategi bagi pemuliharaan sumber air, di samping mengadakan kerjasama saintifik dari segi penggunaan air. Kerjasama ini juga dalam persepakatan dalam memelihara sumber air daripada sebarang bentuk pencemaran. Strategi yang dirangka ini juga perlu dilaksanakan di antara negara yang berkongsi sumber air, atau mekanisme politik yang seragam. Strategi ini mengandungi semua aspek perundangan, peraturan, sensitisasi, tanggungjawab sosial dalam pengurusan air, dan penswastan serta penglibatan para pengguna dalam pengurusan sumber air.

Bagi negara yang sedang membangun, perancangan sistem pengairan dan saluran dibuat berdasarkan kehendak mereka sendiri, tanpa berunding terlebih dahulu dengan pengguna. Kelemahan sistem ini terletak kepada kesukaran untuk memelihara rangkaian pengairan untuk tempoh yang panjang. Seringkali berlaku, pihak yang mengendalikan rangkaian pengairan ini akan membuat rangkaian yang baru pula, dan menggunakan perbelanjaan perbelanjaan untuk sistem rangkaian yang sedia ada. Apabila binaan ini siap, banyak organisasi yang gagal memastikan eksplorasi dan penyelenggaraan yang penting. Jadi mereka ini yang mengguna royalti air yang digunakan untuk menampung kos eksplorasi dan penyelenggaraan akan

menghadapi kesukaran untuk mendapatkan semula kos tersebut. Hal ini berlaku disebabkan para pengguna sendiri enggan membayar jika perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan.

Pengalaman di peringkat antarabangsa juga mendapati bahawa menggunakan empat konsep yang berlainan dengan penglibatan dalam pengurusan pengairan air, boleh menggunakan kerangka strategi ini, iaitu ditubuhkan persatuan pengguna air, pengagihan fungsi institusi pengurusan air awam kepada persatuan pengguna air; menggunakan royalti dalam perkhidmatan pengairan dan membangunkan sistem pengairan persendirian.

Begitu juga langkah-langkah perlu dijalankan bagi menyelesaikan masalah bekalan air bagi kebanyakan negara sedang membangun, yang khidmat rawatan pembersihan air dijalankan dengan tidak sempurna, paip air yang bocor tidak diperbaiki, saluran paip air lama tidak diganti dan pelbagai masalah air tidak berhasil (NRW). Beberapa cadangan boleh dilaksanakan, iaitu:

- a) Bekalan air ke kawasan zon perbandaran – terdapat empat sistem prinsip yang terlibat dalam pengurusan air oleh pihak swasta. Ini dilakukan melalui kontrak perkhidmatan, pengurusan, pajakan dan konsesi. Dalam kerangka kontrak perkhidmatan, syarikat yang mengendalikan kontrak ini ditetapkan agar menyediakan perkhidmatan khusus seperti bacaan meter, mengeluarkan invois, membaiki dan penyelenggaraan peralatan. Dalam kerangka pengurusan, syarikat kontraktor mengambilalih keseluruhan tanggungjawab eksploitasi dan penyelenggaraan sistem bekalan air dan bebas dalam membuat keputusan yang rutin.

Bagi kerangka pajakan, sebuah syarikat persendirian memajak peralatan daripada pihak berkuasa dan bertanggungjawab dalam eksploitasi dan penyelenggaraan. Kontraktor ini dibenarkan mengenakan kadar bayaran tertentu bagi kos operasi dan menggantikan semula peralatan yang mempunyai jangka hayat yang terhad. Pihak berkuasa tempatan pula bertanggungjawab bagi harta kekal. Dalam kerangka konsesi, syarikat persendirian membiayai pelaburan ke atas harta kekal dan modal operasi. Sistem pemasangan menjadi hak milik syarikat ini sehingga tamat tempoh konsesinya dan

kemudiannya diberikan kepada pihak berkuasa untuk dikendalikan.

- b) Bekalan air ke zon luar bandar – Beberapa projek kecil-kecilan telah berjaya dilaksanakan oleh Bank Dunia di negara Afrika dalam program pembekalan air di kawasan luar bandar. Program ini menunjukkan wujudnya penglibatan masyarakat dalam konsep projek, penglibatan pengguna dalam eksploitasi, penyelenggaraan dan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti. Oleh itu ia dapat memastikan perkhidmatan air yang berterusan.

Sebagai rumusan, pada pandangan Encik Mohd Yusof tentang kedudukan penswastaaan perkhidmatan air.

MOHD YUSOF: Perkhidmatan bekalan air sewajarnya dikendalikan oleh kerajaan sebagai salah satu projek pembangunan. Begitu juga dengan kemudahan asas lain seperti tenaga, pendidikan, kesihatan dan sebagainya perlu dinikmati oleh semua rakyat. Bagi perkhidmatan lain yang menjadi pilihan bagi rakyat, maka wajar diserahkan kepada syarikat swasta untuk menguruskannya.

Saya tidak bermaksud apabila kemudahan asas ini dikendalikan oleh kerajaan, maka ia perlu diberikan secara percuma. Kadar tertentu boleh dikenakan bagi menampung kos menyediakan prasarana dan penyelenggaraan. Mekanisme tertentu perlu diadakan dari segi pembayaran, seperti bagi golongan yang kurang upaya dan berpendapatan rendah, kerajaan perlu memberikan subsidi agar kadar yang dikenakan berpatutan. Sekiranya mereka memang tidak mampu membayar kerana wang yang ada pada mereka digunakan untuk tujuan lain yang lebih perlu, maka kerajaan harus menyediakan tempat yang khusus bagi golongan ini mendapatkan bekalan air ini tanpa dikenakan bayaran. Tetapi hanya golongan ini sahaja yang boleh menggunakan kemudahan tersebut.

Tetapi bagi golongan berada, mereka perlu membayar mengikut kadar air yang digunakan. Bagi golongan ini persoalan bayaran tidak menjadi masalah utama. Asalkan perkhidmatan yang diberikan berkualiti dan memuaskan.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran dan Terjemahannya, 1988. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Abdul Fattah al-Husseini al-Sheikh, Prof., *Water and Sanitation in Islam*, Cairo: WHO Regional Office for the Eastern Mediterranean.

Abdullah ‘Alwi Haji Hassan, 1994. *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*, Islamabad: Islamic Research Institute.

Abu Bakar Yang, 2002. *Air : Rahmat Yang Diabaikan*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Ibid, 2002. *Air Dan Pembangunan Manusia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Ambriah Buang, Prof. Dr., 2005. *Islam Perspectives of Water Privatisation*, Kertas Kerja ‘Consultation on Water Supply Privatisation’, Kuala Lumpur: Research for Social Advancement (REFSA), 15 Jan 2005.

Dr. Mohammad Haitham Al-Khayat, 1997. *Environmental Health: The Islamic Perspective*, Cairo: WHO Regional Office for the Eastern Mediterranean

Dzulkifli Ahmad, Dr., 2002. *Islam and Privatisation of Essential Services: Issues and Challenges*, Kertas Kerja ‘Seminar on Understanding Human Rights and Islam, Petaling Jaya: Era Consumer Malaysia, 26 September 2002.

Felix Pomeranz, Prof., *Privatization and the ethics of Islam*, International Institute of Islamic Business & Finance (IIIBF). <http://www.netversity.org/>

Islam Online, *Drops of Faith: Water in Islam*, Doha: Islam Online.

Kuwait. Islamic Organisation for Medical Sciences (IOMS), *Environmental Protection in Islam*, Kuwait: Islamic Organisation for Medical Sciences (IOMS)

Mohd Azraai Kassim, Dr., 2004. *Nilai Air Daripada Perspektif Islam*, Kertas Kerja Mesyuarat Tahunan Jurutera Air Daerah Ke-17, anjuran Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Miri, 7 hingga 8 Disember 2004.

Mohd. Azizuddin Mohd. Sani, 2002. *Hak Asasi Manusia Menurut Pandangan Islam dan Barat*, Bentong: PTS Publications & Distribution.

Morocco. Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), *Towards An Integrated Water Resources Management in the Islamic World*, Rabat: Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO)

Saudi Arabia. Islamic Development Bank, 2002. *Water for Living*, Jeddah: Islamic Development Bank

South Africa. Jamiatul Ulama, *An Islamic Perspective on Water Air and Forest*, Johannesburg: Council of Muslim Theologians.

South Africa. Jamiatul Ulama, *Water: The Source of all Life*, Johannesburg: Council of Muslim Theologians.

T.M. Aziz, 'An Islamic Perspective of Political Economy: The View of (late) Muhammad Baqir al-Sadr' dlm Al-Tawhid Islamic Journal, Vol. X, No. 1, Qum, The Islamic Republic of Iran.

The Water Page, *Water in Religion*, United Kingdom. www.thewaterpage.com

USA. World Water Rescue Foundation, *Identifying Islamic Approaches to Water Management*, California: World Water Rescue Foundation

Workshop on Water Resources Management in the Islamic World, organised by The International Development Research Centre (IDRC), in collaboration with the International Water Resources Association (IWRA) and the Inter-Islamic Network on Water Resources Development and Management (INWRDAM), Amman, Jordan, 1-3 December 1998.

RUANGAN PUSAT KHIDMAT ADUAN PENGGUNA NASIONAL (NCCC)



NCCC

No. 1C-1, Bangunan SKPPK,
Jalan SS9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 03-7877 9000
Faks : 03-7874 8097
Emel : nccc@eraconsumer.org
www.eraconsumer.org

ADIL ● PROFESIONAL ● BERKESAN

8 Hak Asas Kita

- Hak Untuk Mendapat Keselamatan
- Hak Untuk Mendapat Maklumat
- Hak Untuk Mendapat Kemudahan Asas
- Hak Untuk Menyuarakan Pendapat
- Hak Untuk Mendapat Gantirugi
- Hak Untuk Membuat Pilihan
- Hak Untuk Mendapatkan Pendidikan Pengguna
- Hak Untuk Mendapat Alam Sekitar Yang Sihat

Profil FOMCA

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia atau nama akronimnya, FOMCA merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang bergerak secara sukarela dan tidak mencari keuntungan, bebas daripada isu-isu perkauman, keagamaan dan sebarang parti politik. FOMCA telah ditubuhkan pada 10hb Jun 1973 sebagai persatuan gabungan bagi beberapa persatuan-persatuan negeri pada masa itu. Kini FOMCA mempunyai 15 ahli gabungan di seluruh negara.

Objektif FOMCA adalah untuk menguatkan dan mengukuhkan pertubuhan pergerakan pengguna di Malaysia; meneliti isu-isu serta berjuang untuk hak-hak pengguna; berjuang melalui kuasa beli pengguna yang mengikut keperluan untuk pembangunan yang menjamin sosio ekonomi yang adil dan kualiti alam sekitar yang lebih baik; dan mengkoordinasi dan menjadi badan perunding bagi organisasi pengguna di Malaysia.

Untuk mencapai objektif tersebut, FOMCA menjalankan pelbagai program pendidikan kepenggunaan dan menerbitkan risalah untuk kesedaran pengguna; bertindak memberi perlindungan kepada pengguna di semua peringkat; menyebarkan maklumat kepada pengguna; dan mengkoordinasikan tindakan pengguna melalui kempen dan sebagainya.

Falsafah FOMCA adalah untuk mewujudkan suasana dan sifat berdikari di kalangan pengguna, dengan merealisasikan moto “Perlindungan Paling Berkesan Adalah Perlindungan Kendiri.”



Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA)

No. 1D-1, Bangunan SKPPK, Jalan SS9A/17,

47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: 03-7876 2009, 7875 6370/62 Faks: 03-7877 1076

Emel: fomca@fomca.org.my atau fomca@po.jaring.my

Laman Web: www.fomca.org.my